

**PRESS RELEASE  
FOR IMMEDIATE RELEASE**

**OFFICIAL STATEMENT BY  
FINANCIAL PARK (LABUAN) SDN BHD**

Labuan, 31st May 2021: Financial Park (Labuan) Sdn. Bhd. (FPL) is very concerned about the significant increase in the COVID19 cases in the Federal Territory of Labuan especially the current number of active COVID19 cases. In this regard, in consultation with the Federal Territory of Labuan Crisis Management Committee, FPL will close the Main Office Block, Block 4 Office Tower and the shopping mall at the Financial Park Complex (Complex) for seven days from 2nd June to 8th June 2021 to ensure the safety and health of the local community, including residents and visitors of the Complex. The temporary closure is aimed at breaking the chain of new infections in order to flatten the infection curve and help reduce the current pressure on the local public health system. This closure period will also be utilized for sanitation and deep cleaning of the Complex.

As discussed and agreed with the authorities, FPL will undertake the following measures: -

- i. The shopping complex, Block 1 and Block 4 Office Tower will be closed to the public;
- ii. Only uniformed security forces personnel and workers involved in cleaning are allowed entry;
- iii. Owners and tenants should immediately make preparations to ensure continuity of operations such as retrieving all important documents, managing perishable stock requiring refrigeration and other necessary actions and complete them before 6:00 pm on Tuesday, 1 June 2021;
- iv. The underground parking area (basement) of the Complex will also be restricted to permanent residents and workers involved in cleaning only;
- v. Long-term tenants at Beta Service Apartment and Alpha Condominium are subject to movement control under the SOP of the Enhanced Movement Control Order (EMCO) and are not allowed to receive any outside visitors;

- vi. During this closure period, Beta Service Apartment will not accept any room bookings including 'walk-in' guests;
- vii. 'Alpha Condominium' will also not receive any new tenants;
- viii. Any online ordering, courier delivery and mailing services to Beta Service Apartment and Alpha Condominium must go through a contactless delivery process at the lobby of both premises;
- ix. The public can continue to access banking services through ATM and CDM facilities at the branches of the banks located at the Complex through entrances outside of the shopping mall subject to limits, screenings and other controls to be determined by the respective banks except the Bank Rakyat branch which will be closed during this closure period and;
- x. FPL will provide customers detailed instructions on how to physically access these ATM and CDM machines through its website <http://www.fpl.com.my/> and its official Facebook '*Financial Park Labuan*'.

FPL strongly urges all tenants and occupants of the Complex to remain at home during this closure, limit any personal travel to important purposes only, conduct health screening for themselves, immediate family members and their employees if they have any symptoms and encourage family members and staff to register for the national vaccination programme.

A progressive reopening process of the Complex after June 8, 2021 is expected to be implemented dependent upon a joint risk assessment process with the Federal Territory of Labuan Crisis Management Committee and the prevailing situation of COVID19 infections then. Please visit our website at <http://www.fpl.com.my/> and Facebook page at '*Financial Park Labuan*' for up-to-date information regarding this closure.

Thank you for your continued support. Let us all work together to preserve the well-being of the Federal Territory of Labuan so that we make it free again from the COVID19 pandemic.

**"STAY CLEAN, STAY SAFE"**

Financial Park (Labuan) Sdn. Bhd.  
31<sup>st</sup> May 2021

---

For further information, please contact:  
FPL Customer Service:  
Phone Number: 087-439 767 (Security desk)  
Email: [info@fpl.com.my](mailto:info@fpl.com.my)  
Web: <http://www.fpl.com.my/>



[www.fpl.com.my](http://www.fpl.com.my)



Financial Park Labuan



Financial Park Labuan

**KENYATAAN MEDIA  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN RASMI OLEH  
FINANCIAL PARK (LABUAN) SDN BHD**

Labuan, 31hb Mei 2021: Financial Park (Labuan) Sdn. Bhd. (FPL) amat prihatin dengan peningkatan ketara penularan kes COVID19 di Wilayah Persekutuan Labuan terutamanya jumlah kes aktif COVID19 sekarang ini. Sehubungan itu, setelah berbincang serta mengambil kira nasihat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Wilayah Persekutuan Labuan, FPL akan menutup sepenuhnya Blok Pejabat Utama, Blok 4 Menara Pejabat dan pusat membeli-belah Kompleks Ujana Kewangan selama tujuh hari mulai 2hb Jun hingga 8hb Jun 2021 bagi memastikan keselamatan dan kesihatan umum masyarakat tempatan, termasuk para penghuni dan pengunjung Kompleks. Penutupan sementara ini bertujuan untuk mematahkan rantai jangkitan terbaru bagi melandaikan kelok jangkitan serta membantu mengurangkan tekanan ke atas sistem perkhidmatan kesihatan tempatan. Tempoh penutupan ini juga akan dimanfaatkan untuk proses sanitasi dan pembersihan secara menyeluruh.

Semasa penutupan, langkah-langkah berikut yang dipersetujui bersama dengan pihak berwajib akan diambil iaitu:-

- i. Kompleks membeli-belah, ruang pejabat Blok1 dan Blok 4 akan ditutup sepenuhnya kepada orang awam;
- ii. Akses hanya terhad kepada anggota pasukan keselamatan yang beruniform atau pekerja kerja-kerja sanitasi;
- iii. Pemilik dan penyewa perlu membuat persiapan awal untuk memastikan kesinambungan operasi seperti mengambil segala dokumen yang penting, pengurusan stok mudah rosak yang memerlukan pendinginan dan lain-lain tindakan yang perlu sebelum jam 6:00 petang hari Selasa, 1 Jun 2021;
- iv. Kawasan letak kereta bawah tanah (*basement*) kompleks hanya dihadkan kepada penghuni tetap serta pekerja sanitasi sahaja ;
- v. Penghuni jangka panjang di *Beta Service Apartment* dan di *Alpha Condominium* masih tertakluk kepada kawalan pergerakan di bawah SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan tidak dibenarkan menerima sebarang pelawat luar;

- vi. Semasa tempoh penutupan ini, Beta Service Apartment tidak akan menerima sebarang tempahan penginapan atau penginap 'walk-in';
- vii. 'Alpha Condominium' tidak akan menerima sebarang penyewa baru;
- viii. Sebarang perkhidmatan pesanan atas talian, serahan kurier dan pos ke *Beta Service Apartment* dan *Alpha Condominium* perlu melalui proses penyerahan tanpa sentuhan yang dibutirkan di ruang lobi kedua-dua premis ini;
- ix. Orang awam masih boleh mendapatkan akses kepada perkhidmatan perbankan melalui kemudahan mesin ATM dan CDM di cawangan-cawangan bank yang bertempat di Kompleks Ujana Kewangan melalui pintu di kawasan luar pusat membeli-belah tertakluk kepada had, saringan dan kawalan lain yang akan ditentukan oleh bank-bank tersebut kecuali cawangan Bank Rakyat yang akan ditutup sepanjang tempoh penutupan ini dan;
- x. Pihak FPL akan sentiasa memaklumkan kepada pelanggan mengenai cara terbaik untuk ke mesin ATM dan CDM melalui laman web <http://www.fpl.com.my/> dan Facebook rasmi '*Financial Park Labuan*'.

FPL juga menyarankan agar semua penyewa dan penghuni Kompleks untuk kekal duduk di rumah, menghadkan perjalanan kepada tujuan penting sahaja, melakukan saringan kesihatan untuk diri sendiri, keluarga terdekat serta pekerja masing-masing sekiranya bergejala serta menggalakkan ahli keluarga dan kakitangan mendaftar untuk program vaksinasi kebangsaan.

Proses pembukaan semula selepas 8 Jun 2021 dijangka akan dibuat secara beransur-ansur tertakluk kepada penilaian risiko bersama Jawatankuasa Pengurusan Bencana Wilayah Persekutuan Labuan dan keadaan semasa kes jangkitan COVID19. Sila layari laman web kami di <http://www.fpl.com.my/> dan laman Facebook kami di '*Financial Park Labuan*' untuk maklumat mutakhir berkenaan penutupan ini.

Terima kasih atas sokongan berterusan anda. Marilah kita sama-sama memelihara kesejahteraan Wilayah Persekutuan Labuan agar kita kembali bebas daripada pandemik COVID19.

**"KEKAL BERSIH, KEKAL SELAMAT"**

Financial Park (Labuan) Sdn. Bhd.  
31hb Mei 2021

---

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
Khidmat Pelanggan FPL  
Nombor Telefon: 087-439 767 (Kaunter Keselamatan)  
Emel: [info@fpl.com.my](mailto:info@fpl.com.my)  
Web: <http://www.fpl.com.my/>